

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 SEPTEMBER 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
CAPAIAN : <https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/222939>

Bajet perlu beri tumpuan kepada pertumbuhan intensif: MPOB



INDUSTRI sawit berharap kepada anjakan asas dalam strategi dalam Bajet 2023 yang akan datang, memberi tumpuan kepada pertumbuhan intensif, didorong oleh hasil dan pelaburan sejajar dengan penekanan yang meningkat terhadap kemampuan oleh negara-negara pengeluar utama dan pasaran pengguna.

Pengawal selia industri, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berkata, berdasarkan komitmen Malaysia dalam mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG), lebih banyak peruntukan diperlukan untuk membiayai usaha meningkatkan keterangkuman sosial dan kelestarian alam sekitar industri minyak sawit.

Industri pada masa ini meliputi 15 daripada 17 UNSDG, merangkumi aspek utama tadbir urus alam sekitar, sosial dan korporat (ESG).

"Terdapat permintaan yang meningkat untuk minyak sawit mampan yang diperakui yang perlu diberikan oleh negara-negara pengeluar utama seperti Indonesia dan Malaysia," kata Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir kepada Bernama, menyatakan bahawa kedua-dua negara menyumbang lebih 80 peratus daripada pengeluaran minyak sawit global.

Beliau berkata, kerajaan perlu terus memberi sokongan untuk tujuan tertentu seperti sifat dinamik teknologi dan kebimbangan dalam operasi ladang kelapa sawit, terutamanya berkaitan peruntukan belanjawan.

Beliau turut menekankan bahawa penggunaan amalan mekanisasi tinggi di ladang akan meningkatkan pematuhan ESG industri.

Berdasarkan komitmen kerajaan untuk memastikan industri minyak sawit Malaysia yang mampan melalui standard Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO), lebih banyak peruntukan diperlukan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan ESG dalam kalangan pengguna minyak sawit dan menggalakkan pengeluar meningkatkan pematuhan ESG.

"Peruntukan tambahan turut diperlukan oleh pengeluar untuk mematuhi keperluan ESG dan oleh agensi penguatkuasaan untuk mengesahkan pematuhan industri terhadap petunjuk ESG," kata Ahmad Parveez.

Minyak sawit pada masa ini merupakan minyak sayuran yang paling banyak digunakan di seluruh dunia, menyumbang lebih 35 peratus daripada semua pengeluaran minyak sayuran, bagaimanapun ia telah menerima paling banyak kritikan dengan dakwaan menyebabkan impak kepada alam sekitar.

Mengenai pemulihan sektor pascapandemik terutamanya dalam pengeluaran minyak sawit, beliau berkata, MPOB berharap lebih banyak program pembangunan bakat untuk sektor kelapa sawit bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

"Bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing, syarikat perladangan sawit digalakkan mengambil pekerja tempatan.

"Kerajaan boleh mempertimbangkan untuk memberikan insentif kepada syarikat perladangan untuk mempunyai semua pekerja tempatan," katanya.

Sementara itu, katanya sektor biojisim turut dinyatakan sebagai bidang pembangunan utama negara, terutamanya dari segi penggunaan dan pengeluaran produk dan perkhidmatan biojisim dengan nilai tambah tinggi.

"Ini memerlukan dasar biojisim yang komprehensif serta penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi untuk mencipta teknologi masyarakat.

"Ini akan mewujudkan peluang pekerjaan baharu, pada masa sama melindungi alam sekitar melalui pengurangan pelepasan gas rumah hijau," kata Ahmad Parveez.

MPOB turut berharap peruntukan khas dapat diberikan kepada Institut Penyelidikan dan Perkhidmatan Teknikal Kelapa Sawit MPOB (PORTSIM) untuk menjalankan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan di China.

Ini boleh membantu meningkatkan bahagian minyak sawit Malaysia dalam sektor makanan hiliran bernilai tinggi, makanan haiwan dan oleokimia di negara yang paling ramai penduduk di dunia, katanya.

"Ia akan turut meningkatkan daya tahan sosio-ekonomi yang mampan dengan menyediakan lebih banyak bantuan dan subsidi, terutamanya untuk pekebun kecil dalam persekitaran kos pengeluaran yang meningkat," katanya.

Mengenai prospek sektor minyak sawit, Ahmad Parveez berkata, bagi tempoh Julai-Disember 2022 (separuh kedua 2022), pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) diunjurkan meningkat sebanyak 1.9 peratus daripada 9.75 juta tan yang dikeluarkan pada separuh kedua 2021.

Pertumbuhan itu akan didorong oleh jangkaan peningkatan di kawasan ladang kelapa sawit yang matang dan jangkaan kemasukan pekerja asing di ladang kelapa sawit, selain trend hasil yang positif sehingga Oktober dan faktor cuaca yang lebih baik pada 2022.

Sementara itu, eksport MSM pada separuh kedua 2022 diunjurkan merosot sebanyak 12.8 peratus berbanding 2.47 juta tan pada separuh kedua 2021 berikutan jangkaan permintaan yang rendah daripada negara-negara pengimport utama, terutamanya India berikutan bekalan yang banyak dari Indonesia. - Bernama